

ULANGKAJI PERTENGAHAN SESI AKADEMIK

MATA PELAJARAN : SAINS KOMPUTER

TINGKATAN : 5 ORION

NAMA : _____


Arahan : Jawab semua soalan.

1. Nyatakan **TIGA** ciri penting yang digunakan bagi penyelesaian sesuatu masalah.

- (i)
(ii)
(iii)

[3 markah]

2. Rajah 1 di bawah menunjukkan antara turutan langkah dalam Proses Penyelesaian Masalah.



Berdasarkan Rajah 1:

a) Nyatakan

- i. R :
ii. S :
iii. T :

[3 markah]

3. Berikut adalah pernyataan mengenai perwakilan bagi algoritma.

Senarai struktur kawalan komputer yang ditulis dalam bahasa pertuturan manusia dan mempunyai nombor turutan.

- (a) Nyatakan perwakilan bagi algoritma itu.

.....

[1 markah]

- (b) Nyatakan perwakilan bagi algoritma selain yang dinyatakan di (a).

.....

[1 markah]

4. Algoritma yang berikut mengumpuk pemboleh ubah Z dengan nilai 75, kemudian dibahagi dengan 5, didarab dengan 9 dan ditambah sebanyak 30% serta memaparkan hasil seperti Jadual di bawah.

1. Mula
2. Input $z = 75$
3. $z = z/5$
4. $z = z * 9$
5. $z = z * 0.30 + z$
6. Papar z
7. Tamat

No	z	I/O
1	-	-
2	75	P
3	15	-
4	135	-
5	Q	-
6	175.5	175.5
7	-	-

- i) Nyatakan nilai P

.....

[1 markah]

- ii) Nyatakan nilai Q

.....

[1 markah]